



## LATIH MINDA

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

a

Ruang tempat kediaman terdiri daripada ruang sosial, ruang belajar dan ruang persendirian.

☐

b

Dapur, stor, garaj dan tempat mendobi ialah ruang kerja.

☐

c

Ruang kerja boleh dijadikan tempat mengulang kaji pelajaran.

☐

d

Membersih dan mengemas diri dilakukan di tempat mendobi.

☐

e

Tempat kediaman merupakan tempat yang memberikan keselamatan dan perlindungan ahli keluarga.

☐

f

Pembersih vakum perlu disimpan di bawah katil selepas menggunakannya.

☐

g

Alatan dan bahan membersih mesti disusun kemas di dalam stor.

☐

h

Berehat dan berinteraksi antara ahli keluarga sesuai diadakan di ruang persendirian.

☐

2. Lengkapkan tempat kosong berikut dengan bahan membersihkan ruang tempat kediaman.

**Bahan untuk Membersih**

Pilihan jawapan:

- Pencuci cermin
- Vakum
- Pencuci serbaguna
- Bulu ayam
- Pencuci lantai

1

2

3

3. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul berkaitan amalan penjagaan ruang tempat kediaman.

(a) Membuang sampah, menyusun pinggan mangkuk dan mengelap meja makanan dijalankan di\_\_\_\_\_.

ruang sosial

☐

ruang kerja

☐

ruang persendirian

☐

(b) Mengemas tilam dan menukar cadar dijalankan di\_\_\_\_\_.

ruang sosial

☐

ruang kerja

☐

ruang persendirian

☐

(c) Mencuci tandas, bilik air dan singki dijalankan di\_\_\_\_\_.

ruang sosial

☐

ruang kerja

☐

ruang persendirian

☐